PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

2026-2030



PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

2026–2030



© Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2026

Penerbitan ini, kecuali mana-mana gambar yang mempunyai hak cipta, boleh diterbitkan semula secara keseluruhan, atau sebahagiannya dan dalam apa jua bentuk untuk tujuan pendidikan dan tujuan bukan komersial tanpa kebenaran khas daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan syarat pengakuan sumber dibuat. KBS amat menghargai penerimaan satu salinan mana-mana penerbitan yang menggunakan penerbitan ini sebagai sumber. Tiada penggunaan penerbitan ini boleh dibuat untuk jualan semula atau untuk sebarang tujuan komersial lain sekalipun tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada KBS.

Kementerian Belia dan Sukan (2026). Pelan Strategik KBS 2026-2030. Putrajaya: KBS

ISBN 978-967-25569-8-5

Penerbitan ini boleh dimuat turun di www.kbs.gov.my

DITERBITKAN OLEH:

Kementerian Belia dan Sukan
Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3221
Laman web : www.kbs.gov.my

Isi Kandungan

Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2026-2030

BAB 1 Pengenalan

Visi dan Misi 6
Carta Organisasi 7
Latar Belakang KBS 8
Akta dan Dasar 9
Pemegang Taruh 10
Kerangka Pelan Strategik 11
Pencapaian 13

BAB 2 Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa

Analisis Dalaman 22
Analisis Luaran 22
Cabaran Semasa 23

BAB 3 Hala Tuju Strategik

Teras 1 : Belia 28
Teras 2 : Sukan 38
Teras 3 : TVET 52
Teras 4 : Industri Sukan 62
Teras 5 : Pengantarabangsaan 68
Teras 6 : Penyampaian Perkhidmatan 76

BAB 4 Penutup

Nilai-Nilai Bersama 84
Faktor Penentu Kejayaan 85
Mekanisme Pemantauan 87
Rumusan 88
Glosari 89

Perutusan
KETUA SETIAUSAHA

Salam Sejahtera,

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Kementerian Belia dan Sukan (KBS) atas usaha serta komitmen tinggi dalam penyediaan Pelan Strategik KBS 2026-2030. Selaras dengan aspirasi nasional, keutamaan Kerajaan dan keperluan semasa, pelan ini menjadi rangka perancangan dasar utama kementerian bagi tempoh lima (5) tahun serta panduan strategik hala tuju pembangunan belia dan sukan negara. Pelan ini digubal berteraskan pendekatan berfokuskan hasil (*outcome-based*), berasaskan data dan bukti (*evidence-based*) serta menekankan kecekapan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik melalui enam (6) teras strategik yang saling melengkapi bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara bersepadu, mampan dan berimpak tinggi.

Tumpuan diberikan kepada penglibatan belia dalam program kementerian dan agensi sama ada secara fizikal mahupun dalam talian, pemerkasaan sukan prestasi tinggi, pengarusperdanaan TVET selaras dengan keperluan industri serta penggiatan sukan termasuk industri sukan. Pelan ini turut menegaskan kepentingan pendigitalan perkhidmatan, penggunaan teknologi dan inovasi serta pengukuhan keupayaan organisasi KBS agar lebih tangkas dan responsif, sekali gus memberi impak signifikan kepada kumpulan sasar serta pulangan nilai terbaik kepada rakyat dan negara.

Kejayaan pelan ini bukan sahaja bergantung kepada perancangan yang rapi, malah kepada pelaksanaan yang menyeluruh, pemantauan berterusan dan penambahbaikan berterusan. Justeru, seluruh warga KBS diseru menghayati hala tuju strategik ini dan melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti, profesional dan semangat kerja berpasukan. Melalui komitmen semua pihak, pelan ini diyakini mampu memacu kecemerlangan pembangunan belia dan sukan serta menyumbang kepada kesejahteraan negara, di samping mengalu-alukan pandangan pemegang taruh bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan

Ringkasan EKSEKUTIF

Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2026–2030 menjadi panduan utama kementerian dalam merangka dan melaksanakan pembangunan belia serta sukan secara menyeluruh. Pelan ini dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030), di samping menepati dasar nasional dan agenda global yang menitikberatkan kesejahteraan negara. Penekanannya tertumpu kepada pembinaan belia yang inklusif dan berdaya tahan serta pengukuhan budaya bersukan sebagai amalan gaya hidup masyarakat.

Pelaksanaan pelan ini digerakkan ke arah mencapai aspirasi Belia Sejahtera dan Negara Sukan melalui enam (6) teras strategik yang saling melengkapi. Teras-teras ini menjadi asas dalam memperkukuh keupayaan belia, memantapkan ekosistem sukan serta merangsang perkembangan industri sukan negara. Pendekatan yang digunakan menekankan hasil yang berimpak tinggi melalui pemanfaatan pendigitalan, analitik data raya dan kecerdasan buatan (AI), selain penambahbaikan proses kerja dan pemantapan tadbir urus agar setiap inisiatif memberi manfaat nyata kepada rakyat serta meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Bagi menyokong keberkesanan pelaksanaan, pelan ini diperkukuh dengan strategi pemboleh daya seperti pembangunan kapasiti, pengurusan perubahan, perekayasaan proses, kemampanan, inklusiviti dan penglibatan komuniti. Perancangan ini turut mengambil kira cabaran semasa serta jangkaan masa hadapan dalam landskap pembangunan belia dan sukan supaya program yang dirancang kekal relevan dan responsif terhadap keperluan masyarakat. Sistem pemantauan yang tersusun melalui tadbir urus berlapis memastikan setiap pelaksanaan dinilai dan dipertingkat secara berterusan.

Kesimpulannya, Pelan Strategik KBS 2026–2030 berperanan sebagai pemangkin transformasi yang menyeluruh dalam pembangunan belia dan sukan negara. Melaluinya, diharapkan kesejahteraan rakyat dapat diperkukuh, pertumbuhan ekonomi terus dirangsang, serta imej Malaysia diperkasakan di pentas antarabangsa.



BAB 1
Pengenalan

- Visi dan Misi
- Carta Organisasi
- Latar Belakang KBS
- Akta dan Dasar
- Pemegang Taruh
- Kerangka Pelan Strategik
- Pencapaian



VISI

Membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan

MISI

Memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara

Carta Organisasi



Latar Belakang

Sejarah Penubuhan Kementerian Belia dan Sukan

1953

BAHAGIAN KEBUDAYAAN, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Bahagian Kebudayaan di bawah **Jabatan Kebajikan Masyarakat** telah ditubuhkan dan diberi tanggungjawab mengenai pembangunan belia.

1964

BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KEMENTERIAN PENERANGAN
Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan ke Kementerian Penerangan, manakala Bahagian Belia dan Bahagian Sukan turut ditubuhkan. Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut.

1972

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan nama Kementerian Belia dan Sukan telah diubah kepada **Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**.

1987

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
Bahagian Kebudayaan dipindahkan ke Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Nama **Kementerian Belia dan Sukan** dikekalkan sehingga sekarang.

Akta dan Dasar

1. Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 **[Akta 180]**
2. Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 **[Akta 2]**
3. Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 **[Akta 29]**
4. Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri 1976 **[Akta 170]**
5. Akta Pembangunan Sukan 1997 **[Akta 576]**
6. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 **[Akta 668]**
7. Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 **[Akta 717]**
8. Akta Institut Sukan Negara 2011 **[Akta 729]**
9. Dasar Belia Malaysia 2015
10. Dasar Sukan Negara 2009
11. Model Pembangunan Belia MADANI 2030
12. Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030
13. Visi Sukan Negara 2030
14. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia 2035
15. Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030

Pemegang Taruh

PIHAK BERKEPENTINGAN

Individu atau organisasi yang mempunyai kepentingan langsung/ tidak langsung terhadap kejayaan organisasi

1. **Anggota Pentadbiran**
2. **Kerajaan Persekutuan**
3. **Kerajaan Negeri**

PELANGGAN

Golongan sasaran utama yang menerima faedah dari produk/ perkhidmatan organisasi

1. **Lapan (8) Kumpulan Sasaran Belia**
2. **Atlet**
3. **Masyarakat**
4. **Pertubuhan Belia**
5. **Persatuan Sukan**

RAKAN STRATEGIK

Organisasi atau pihak luar yang bekerjasama dalam menjayakan program/ inisiatif

1. **Kementerian-Kementerian**
2. **Agensi-Agensi Pusat**
3. **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**
4. **Pertubuhan/ Organisasi Antarabangsa**
5. **Pihak Swasta**
6. **Institusi Pendidikan dan Latihan**

KERANGKA PELAN STRATEGIK KBS 2026-2030



Kerangka Pelan Strategik KBS 2026–2030 disediakan sebagai panduan menyeluruh untuk merangka hala tuju pembangunan belia dan sukan negara secara mampan, inklusif dan berimpak tinggi, sejajar dengan agenda global dan nasional, khususnya Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan dasar-dasar utama negara.

Pelan Strategik KBS berasaskan visi kementerian untuk membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan serta misi KBS untuk memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara. Berdasarkan visi dan misi tersebut, KBS menetapkan dua (2) keberhasilan strategik utama iaitu Belia Sejahtera dan Negara Sukan yang menjadi ukuran kepada impak pelaksanaan dasar, program dan inisiatif kementerian.

Pelan Strategik KBS 2026–2030 digerakkan melalui enam (6) teras strategik utama iaitu belia, sukan, TVET, industri sukan, pengantarabangsaan dan penyampaian perkhidmatan. Teras Belia menumpukan kepada pembangunan belia yang sejahtera, berdaya tahan dan inklusif manakala teras sukan memberi penekanan kepada pembudayaan sukan sebagai gaya hidup aktif di semua peringkat lapisan masyarakat dan pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Seiring perubahan landskap sosioekonomi dan teknologi, KBS turut memberi fokus kepada pemerkasaan TVET berasaskan industri dan pendigitalan bagi melahirkan modal insan belia yang berkemahiran tinggi dan relevan dengan keperluan semasa. Transformasi industri sukan dilihat sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi baharu, manakala pengantarabangsaan belia dan sukan bertujuan meningkatkan keterlihatan serta penglibatan Malaysia di peringkat serantau dan global.

Pelaksanaan yang berkesan turut dipengaruhi oleh beberapa pemboleh daya yang berupaya menggerakkan Pelan Strategik KBS, antaranya penggunaan data raya serta penerapan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan IR4.0 selaras dengan perkembangan semasa. Selain itu, warga kerja KBS turut diberikan tumpuan melalui proses pembangunan kapasiti berterusan dan penerapan nilai bersama bagi membentuk kesatuan.

Pengurusan organisasi akan terus diperkasa dengan pengurusan perubahan dan mengutamakan perekayasaan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Prinsip kemampanan, inklusiviti dan keterlibatan komuniti turut menjadi asas untuk memastikan setiap inisiatif memberi manfaat secara menyeluruh kepada rakyat.

Secara keseluruhannya, kerangka ini berfungsi sebagai asas perancangan strategik KBS bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan responsif terhadap keperluan semasa. Pelaksanaan pelan ini diharapkan dapat memperkukuh ekosistem belia dan sukan negara seterusnya menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara secara mampan.

Pencapaian KBS

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited dalam memastikan setiap perancangan strategik sepanjang tahun 2021 hingga 2025 dilaksanakan dengan jayanya. Dalam tempoh menyaingi pelbagai cabaran dan situasi semasa negara, KBS merekodkan pencapaian yang signifikan dalam memperkasa pembangunan belia dan memajukan sukan negara menerusi pelaksanaan dasar serta inisiatif strategik yang berimpak tinggi.



Teras Strategik BELIA

Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan satu indikator komprehensif dalam mengukur tahap kesejahteraan hidup dan pembangunan belia. Melalui pelaksanaan program pembangunan belia yang berimpak, pencapaian menunjukkan pola perkembangan yang stabil dan konsisten, dengan prestasi kesejahteraan belia yang kekal pada tahap sederhana serta menunjukkan daya tahan terhadap perubahan sepanjang tempoh tersebut.



Pelbagai inisiatif pembangunan belia untuk memperkasa potensi belia telah menunjukkan impak yang positif terhadap pemerkasaan dan penglibatan golongan muda di Malaysia. Penyertaan yang memberangsangkan dalam program pembangunan, kesukarelawanan, kepimpinan serta pembelajaran belia disokong melalui penyaluran dana dan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik, mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh pembangunan belia secara holistik, inklusif dan berdaya saing.

Nafas Baharu Rakan Muda
7,598,369
penyertaan

Hari Belia Negara
13,984,255
penyertaan

Kesukarelawanan
236,210
penyertaan

Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda
40,757
penyertaan

Anugerah Perdana Belia Negara
70,485
penyertaan

Pengantarabangsaan Belia
2,147
penyertaan





Dana Bantuan Belia

Jumlah Dana
RM64.49 juta

Jumlah NGO
1,568

AKADEMI RAKAN MUDA

Kuasa Orang Muda

- **45 siri** Jelajah Kuasa Orang Muda
- **13,577** Bilangan Penyertaan
- **17 Modul** *e-Learning*
- **40 juta** Tontonan



Bilangan Penyertaan
13,112

3 Bengkel
20 Projek

PERTUBUHAN BELIA

Bilangan Pertubuhan Belia
8,077

Jumlah Keahlian
991,729

Pertubuhan belia terus memainkan peranan penting sebagai medium pengukuhan pembangunan kepimpinan, jaringan sosial dan penyertaan aktif golongan muda dalam pelbagai aspek pembangunan masyarakat dan negara.

Teras Strategik
SUKAN

Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) merupakan indikator yang mengukur tahap kualiti kesejahteraan hidup melalui penglibatan aktif dan budaya sukan sebagai gaya hidup sihat dan aktif. Secara keseluruhannya, skor indeks menunjukkan perkembangan yang positif dan konsisten, sekali gus mencerminkan peningkatan kesedaran serta penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan rekreasi sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan seharian.

Skor Indeks Budaya Sukan Malaysia





SUKAN BERPRESTASI TINGGI

Pembangunan sukan berprestasi tinggi negara terus menunjukkan pencapaian yang membanggakan melalui kejayaan atlet di pelbagai temasya sukan antarabangsa serta peningkatan jumlah atlet bertaraf dunia dalam kategori *able* dan para melalui sokongan program pembangunan atlet.

Temasya Sukan Olimpik		1	3
Temasya Sukan Paralimpik	5	4	1
Temasya Sukan Asia	6	8	18
Temasya Sukan Para Asia	7	15	17
Temasya Sukan Komanwel	7	8	8
Temasya Sukan SEA	130	147	303
Temasya Sukan Para ASEAN	150	122	121

Juara Dunia

Bilangan Atlet

Able **41** | Para **19**



Penglibatan aktif masyarakat melalui program sukan massa serta peningkatan penyertaan wanita dalam kepimpinan sukan turut mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa sektor sukan negara secara inklusif, kompetitif dan mampan.

Wanita Dalam Sukan

327 Bilangan Pemegang Jawatan

Hari Sukan Negara

23,084,894 peserta

Pencapaian ini disokong oleh pengukuhan ekosistem sukan negara menerusi penyediaan pelbagai bentuk geran, pembangunan badan sukan berdaftar dan pelaksanaan inisiatif pembangunan sukan secara menyeluruh.

Geran Padanan Sukan (GPS) **RM95.47 juta** **956** Penerima Manfaat	Dana Sukan Komuniti (DSK) **RM63.88 juta** **4,968** Penerima Manfaat
Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara **RM10.57 juta** **268** Penerima Manfaat	Bilangan Badan Sukan Berdaftar Di Bawah Akta 576 **12,375 persatuan** Kebangsaan: 202 Daerah: 1,519 Negeri: 1,549 Kelab: 9,105



Teras Strategik TVET



Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) terus memperlihatkan pencapaian yang kukuh dengan menghasilkan graduan berkemahiran tinggi serta kadar kebolehpasaran yang konsisten pada tahap cemerlang. Kadar Kebolehpasaran Graduan melebihi 90% menjadi indikator penting terhadap kualiti latihan dan keyakinan majikan industri kepada kompetensi graduan ILKBS.

KEJAYAAN ANTARABANGSA TVET KBS

Pencapaian TVET KBS di peringkat antarabangsa terus memperkukuh reputasi negara dalam bidang kemahiran dan inovasi melalui penyertaan aktif dalam pelbagai pertandingan WorldSkills di peringkat kebangsaan, ASEAN, Asia dan dunia. Kejayaan ini mencerminkan kualiti latihan berterusan di ILKBS yang berjaya melahirkan tenaga mahir berdaya saing tinggi, berinovasi serta memenuhi piawaian global.

Acara	Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	*Medallion for Excellence*
WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)	559	7	19	9	31
WorldSkills Malaysia Pengajar (WSMP)	144	2	2	4	13
WorldSkills ASEAN	7 ILKBS	3	2	1	1
WorldSkills Asia	3 ILKBS	2	1		
WorldSkills Competition (WSC)	2 ILKBS				1

TVET di bawah ILKBS terus diperkasa melalui **221 jalinan kerjasama strategik** bersama industri yang aktif serta berimpak tinggi. Inisiatif ini turut disokong dengan penawaran **10 kursus baharu dalam bidang pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (*High Growth, High Value*)** seperti Kenderaan Elektrik (EV) dan tenaga solar di beberapa ILKBS terpilih. Secara keseluruhannya, usaha ini mencerminkan keselarasan pembangunan TVET dengan keperluan industri semasa serta peralihan teknologi hijau, sekali gus memperkukuh kebolehpasaran graduan dan daya saing tenaga kerja negara.

Teras Strategik INDUSTRI SUKAN

KBS mengambil pendekatan inisiatif strategik bagi memperkukuh pembangunan industri sukan negara secara lebih tersusun, mampan dan berdaya saing. **Penerbitan Akaun Satelit Sukan (ASS)** pada tahun 2024 merupakan instrumen penting dalam mengukur sumbangan industri sukan kepada ekonomi negara secara lebih komprehensif dan sistematik. Ia membolehkan penilaian yang lebih tepat terhadap impak ekonomi sektor sukan serta menyokong proses perancangan dasar dan pembangunan industri sukan berasaskan data.

Dalam usaha memperkukuh ekosistem industri sukan dan memacu pertumbuhan industri sukan negara ke arah ekosistem yang lebih progresif dan berimpak tinggi, **penubuhan empat (4) Pusat Kecemerlangan Industri Sukan Negara (*Centre of Excellence* – COE)** dilaksanakan menerusi kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi awam iaitu:

- **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI):** Pengukuhan tadbir urus industri sukan
- **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA):** Pembangunan industri sukan berasaskan inovasi
- **Universiti Teknologi MARA (UiTM):** Bidang keusahawanan dan pengkomersialan
- **Universiti Sains Malaysia (USM):** Memfokuskan kepada pembangunan industri sukan yang selari dengan agenda pembangunan mampan

Pengantarabangsaan

Agenda pengantarabangsaan belia dan sukan terus diperkukuh melalui penglibatan aktif Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa. KBS telah memperluas jaringan kerjasama strategik dengan pelbagai negara, organisasi antarabangsa dan badan serantau bagi meningkatkan pembangunan kapasiti belia, pemerkasaan kepimpinan, pertukaran budaya, pembangunan sukan prestasi tinggi serta pengukuhan diplomasi sukan negara.

ASEAN MALAYSIA 2025

27 program KBS

Penyertaan **112,309** Orang

Aspek pengantarabangsaan turut diperkukuh melalui pemeteraian pelbagai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Kerjasama (MoC) bersama kementerian, agensi, institusi serta organisasi antarabangsa dalam bidang belia dan sukan bagi memperluas jaringan kolaborasi global.

MOU ASEAN-WADA
- Jakarta, Indonesia dan Dubai, Emiriah Arab Bersatu
- 14 Mac 2022

MOC Malaysia-Japan
- Tokyo
- 24 Mei 2022

MOU Malaysia-Brunei
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 3 Ogos 2023

MOU Malaysia-Australia
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 1 Mac 2024

MOU Malaysia-Maldives
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 21 Ogos 2024

MOU Malaysia-India
- Hyderabad, New Delhi, India
- 21 Ogos 2024

MOU ASEAN-FIFA
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 26 Oktober 2025

Teras Strategik TADBIR URUS

Aspek pemerkasaan tadbir urus telah dipertingkatkan melalui pelaksanaan inisiatif yang menumpukan kepada integriti, akauntabiliti, pengurusan kewangan berhemah serta peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Anugerah IKON MyProjek Tahun 2023 & 2025



Anugerah
Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)

- **Tahun 2023**
  Penarafan '*Gold*' Bagi Pengurusan Aduan Awam


JABATAN PERDANA MENTERI
BIRO PENGADUAN AWAM

Penarafan

PENGURUSAN ADUAN AWAM KEMENTERIAN
TAHUN 2025

Platinum

Kepada
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

TAN SRI SHAMSULAZRI BIN ABU BAKAR
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

- **Tahun 2025**
  Penarafan 'Platinum' Bagi Pengurusan Aduan Awam

Peningkatan skor Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) secara berterusan daripada 83.72% pada tahun 2021 kepada 89.03% pada tahun 2025 menggambarkan bahawa KBS telah berjaya memperkukuh amalan tadbir urus dan pengurusan organisasi. Pencapaian ini turut mencerminkan penambahbaikan dalam aspek pematuhan tatacara kewangan, pengurusan perolehan, kawalan dalaman, pengurusan risiko serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian.



Peningkatan skor SPAN

BAB 2

ANALISIS PERSEKITARAN & CABARAN SEMASA

- Analisis Dalaman
- Analisis Luaran
- Cabaran Semasa

Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa

Analisis Dalaman

KBS berdepan cabaran dalam memperkukuh keyakinan pemegang taruh berikutan keperluan penambahbaikan berterusan dalam aspek tadbir urus, integriti dan kecekapan organisasi. Peningkatan aduan berkaitan pematuhan tatakelakuan, disiplin kerja serta pematuhan prosedur turut memberi kesan kepada persepsi awam dan imej organisasi, khususnya apabila isu-isu berkaitan integriti mendapat perhatian media. Selain itu, kekangan dalam penyelarasan antara agensi berkepentingan telah menimbulkan cabaran bagi memastikan keselarasan dasar dan pelaksanaan program. Tanpa koordinasi strategik yang mantap, pelaksanaan inisiatif berisiko bertindih, bersifat jangka pendek dan kurang memberi impak mampan.

Tadbir urus persatuan sukan sering menghadapi cabaran dalaman yang boleh menjejaskan prestasi atlet dan keberkesanan program sukan. Pembangunan sukan negara memerlukan kepimpinan yang jelas, konsisten dan berpandangan jauh. Aspirasi untuk memposisikan Malaysia sebagai hab serantau penganjuran acara sukan memerlukan kesiapsiagaan institusi yang menyeluruh. Cabaran seperti kerenah birokrasi, kapasiti tenaga kerja dan sumber kewangan perlu ditangani secara strategik.

Analisis Luaran

Persekitaran luaran yang dinamik dan kompleks memberi pengaruh signifikan terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar, program serta inisiatif melibatkan pembangunan belia dan sukan. Perubahan struktur penduduk khususnya peningkatan jumlah belia yang berpendidikan, celik teknologi serta mempunyai aspirasi kerjaya yang pelbagai menuntut KBS untuk merangka pendekatan program yang lebih inovatif, inklusif dan berimpak tinggi.

Ketidaktentuan ekonomi global serta perubahan landskap pekerjaan akibat revolusi teknologi memberi implikasi kepada peluang kerjaya dan pembangunan bakat dalam kalangan belia. Perkembangan ekonomi digital dan industri kreatif memberi peluang baharu kepada belia untuk menceburi bidang keusahawanan, industri sukan, e-sukan serta sektor ekonomi berasaskan inovasi.

Kemajuan teknologi khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI), analitik data, digitalisasi dan Revolusi Industri 4.0 turut mempengaruhi corak pelaksanaan program pembangunan belia dan sukan. Teknologi bukan sahaja membuka ruang kepada inovasi dalam latihan, pengurusan prestasi atlet dan pembangunan bakat, malah memperluas platform penyertaan belia melalui ekosistem digital, termasuk dalam bidang e-sukan dan ekonomi gig.

Selain itu, komitmen Malaysia terhadap agenda pembangunan global melalui SDG serta kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pembangunan belia dan sukan menuntut KBS memberi penekanan kepada pembangunan inklusif, kesaksamaan gender, kesejahteraan komuniti dan kemampanan.

Cabaran Semasa

Golongan belia Malaysia menghadapi cabaran yang signifikan dalam bidang pendidikan dan pekerjaan, termasuk kesukaran memperoleh pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan masing-masing. Kesihatan mental seperti tekanan dan keletihan emosi, turut menjadi isu utama yang menjejaskan produktiviti dan kesejahteraan belia. Di samping itu, penglibatan belia dalam persatuan, aktiviti komuniti dan program pembangunan kepimpinan masih rendah, membataskan potensi mereka dalam membina kapasiti kepimpinan dan penyertaan sosial.

Pembudayaan sukan di Malaysia secara keseluruhannya masih berada di tahap sederhana. Faktor kekangan masa, kewangan dan akses kemudahan mempengaruhi pembudayaan ini. Akses kepada peluang dan liputan aktiviti sukan perlu dipertingkatkan, terutamanya bagi sukan wanita dan sukan minoriti. Sokongan kewangan, dana dan penajaan merupakan elemen kritikal bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, pembangunan atlet dan pengesanan bakat masih perlu diberikan tumpuan, sementara bilangan jurulatih bertauliah dan berpengalaman masih terhad. Kemudahan dan infrastruktur sukan termasuk padang, gelanggang dan peralatan memerlukan penambahbaikan untuk menyokong latihan dan persiapan atlet secara optimum.

Institusi TVET di bawah KBS juga berhadapan cabaran untuk kekal relevan dalam persekitaran teknologi yang berkembang pesat. Keperluan menaik taraf peralatan, memperkukuh kurikulum serta menyesuaikan kaedah pembelajaran dengan kehendak industri menjadi semakin mendesak. Sekiranya tidak ditangani secara strategik, jurang kemahiran berpotensi melebar dan menjejaskan kebolehpasaran graduan. Tekanan adaptasi terhadap perubahan teknologi turut memberi implikasi kepada kesejahteraan pelajar dan pengajar. Pendekatan sokongan yang holistik diperlukan bagi memastikan ekosistem pembelajaran kekal produktif, inklusif dan mampan.





BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

- **Teras 1** : Belia
- **Teras 2** : Sukan
- **Teras 3** : TVET
- **Teras 4** : Industri Sukan
- **Teras 5** : Pengantarabangsaan
- **Teras 6** : Penyampaian Perkhidmatan

Hala Tuju Strategik

Pelaksanaan Pelan Strategik KBS 2026-2030 berpaksikan kepada teras strategik utama yang merangkumi keseluruhan ekosistem pembangunan belia dan sukan negara.

Teras Strategik 6
Strategi 29
Pelan Tindakan 152



TERAS STRATEGIK BELIA

Teras Strategik Belia menumpukan kepada pembangunan belia yang sejahtera, inklusif dan berdaya tahan. Teras ini menekankan pengukuhan kesejahteraan fizikal, mental, sosial dan ekonomi belia, di samping memperluas peluang pembangunan tanpa mengira latar belakang atau lokasi. Matlamat utamanya ialah melahirkan generasi belia yang mampu mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan negara, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.



TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 5: GENDER EQUALITY* *SDG 11: SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES* *SDG 13: CLIMATE CHANGE* *SDG 14: LIFE BELOW WATER* *SDG 15: LIFE ON LAND* *SDG 17: PARTNERSHIP FOR THE GOALS*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 1: PEMERKASAAN DAN PENGUKUHAN IDENTITI SERTA POTENSI GAYA HIDUP BELIA									
1.	Pelaksanaan Program 10 Gaya Hidup Rakan Muda	Peningkatan penyertaan (Tahun 2025: 2.7 juta)	Peningkatan 20% setiap tahun	3.24 juta	3.88 juta	4.66 juta	5.59 juta	6.71 juta	JBSN
2.	Inisiatif Pemerkasaan Sukarelawan Belia	Peningkatan penyertaan (Tahun 2025: 20,000)	Peningkatan 10% setiap tahun	22,000	24,200	26,620	29,282	32,210	JBSN
3.	Inisiatif Intervensi Sosial Belia	Peningkatan penyertaan (Tahun 2025: 7,000)	Peningkatan 10% setiap tahun	7,700	8,470	9,317	10,248	11,273	JBSN
4.	Hari Belia Negara	Peningkatan penyertaan (Tahun 2025: 4 juta)	Peningkatan 10% setiap tahun	4.4 juta	4.84 juta	5.32 juta	5.85 juta	6.44 juta	JBSN
5.	Anugerah Perdana Belia Negara (Kebangsaan)	Peningkatan penyertaan (Tahun 2025: 500)	Peningkatan 10% setiap tahun	550	605	665	732	805	JBSN

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 17: PARTNERSHIP FOR THE GOALS*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 2: PELUASAN KERJASAMA STRATEGIK SECARA BERTERUSAN									
1.	Kerjasama strategik merentas agensi bagi pelaksanaan program pembangunan belia merangkumi sosial, ekonomi, advokasi dan promosi di pelbagai peringkat	Peningkatan bilangan Rakan Strategik (Tahun 2025: 1,000 kolaborasi)	Peningkatan 10% setiap tahun	1,100	1,210	1,331	1,464	1,610	JBSN/ BPKB/ IMPACT/ IYRES/ IYC
2.	Kolaborasi Pintar Belia	Bilangan penyertaan Program Nexus Pertubuhan Belia	3,000 orang	600	600	600	600	600	ROY

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Pener-aju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 3: PEMANTAPAN PENYELIDIKAN, DATA DAN ADVOKASI									
1.	Kajian pembangunan belia	Bilangan kajian	20	4	4	4	4	4	IYRES
2.	Hab Data: Program direkod dalam Dashboard Belia	Bilangan program direkod	3,500	700	700	700	700	700	IYRES
3.	Hab Data: Bilangan set data dalam Ydata	Bilangan set data	175	35	35	35	35	35	IYRES
4.	Program advokasi pemerkasaan belia peringkat Nasional dan Antarabangsa - Program intelektual	Bilangan program	13	3	2	3	2	3	IYRES

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 8: DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 3: PEMANTAPAN PENYELIDIKAN, DATA DAN ADVOKASI									
5.	Inisiatif Jejak Belia • Meneroka • Pemprofilan • Program	Meneroka Inisiatif Jejak Belia	2 program/ aktiviti	SLU & RTD	SLU & RTD	Projek Rintis	Penambah-baikan	Projek Selesai	BDS
		1 panel profil belia melalui Dashboard Belia	Peratus ketersediaan panel	50% (Kerangka pemprofilan Siri 1)	60% (Kerangka pemprofilan Siri 2)	70% (Rintis)	80% *(Review)*	100% *(Match)*	IYRES
		Peningkatan data profil belia *Asas kiraan (113 PBSD x 20 orang belia x 12 bulan = 27,120 belia setahun)	Peningkatan 5% setiap tahun	27,120	28,476	29,899	31,393	32,962	JBSN
6.	Meneroka Bank Masa Rakan Muda	Bilangan projek	1	Penerokaan & SLU	Pengembang-an Kolaborasi Strategik	Pelaksa-naan Projek Rintis	Kajian Pelaksanaan Projek Rintis	Penilaian impak & *way forward*	BDS/ JBSN

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 4: PEMERKASAAN ORGANISASI DAN KEPIMPINAN BELIA									
1.	Program Penarafan Bintang	Peningkatan pertubuhan belia yang mendapat penarafan 5 bintang (Tahun 2024: 58 pertubuhan belia yang mendapat 5 bintang)	Peningkatan 10% setiap tahun	64	70	77	85	94	ROY
2.	Program *Outreach* Pertubuhan Belia	Penyertaan Program Pemimpin Muda (Tahun 2025: 3,000 pemimpin muda)	Peningkatan peratus penyertaan	10% (3,300)	15% (3,795)	15% (4,634)	20% (5,236)	20% (6,283)	ROY
3.	Program Tadbir Urus Pertubuhan Belia	Bilangan penyertaan	6,000 pemimpin dan bakal pemimpin	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	ROY
4.	Program Pembangunan Kepimpinan Belia	Peningkatan penyertaan belia (Tahun 2025: 10,000)	Peningkatan 10% setiap tahun	11,000	12,100	13,310	14,641	16,105	JBSN

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 5: KETERLIBATAN BELIA DALAM AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA									
1.	Kuasa Orang Muda (KOM)	Bilangan penyertaan	50,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	IMPACT
2.	Akademi Rakan Muda	Bilangan penyertaan	500	100	100	100	100	100	IMPACT
3.	Rakan Muda Presents	Bilangan penyertaan/ tontonan	2,000/ 40,000,000	400/ 8,000,000	400/ 8,000,000	400/ 8,000,000	400/ 8,000,000	400/ 8,000,000	IMPACT
4.	Majlis Perundingan Belia Negara	Bilangan usul	20 usul dibahaskan	4	4	4	4	4	JBSN
STRATEGI 6: PELUASAN PROFESIONALISME KERJA BELIA									
1.	Promosi dan latihan kemahiran pekerja belia	Bilangan penyertaan	10,000 orang	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	JBSN
2.	Pengiktirafan pekerja belia	Bilangan pekerja belia yang ditauliah	500 orang	100	100	100	100	100	JBSN

TERAS STRATEGIK	**BELIA**
	PEMBANGUNAN BELIA YANG SEJAHTERA DAN INKLUSIF
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN BELIA
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI B4.7: MEMBANGUNKAN BELIA YANG BERKEBOLEHAN, BERDAYA SAING DAN SEJAHTERA SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA (SASARAN 2030: 75) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 8: DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 7: PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI KHUSUS KEPADA BELIA									
1.	Inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Belia	Bilangan penyertaan belia (Tahun 2024: 2,000	Peningkatan 10% setiap tahun	2,200	2,420	2,662	2,928	3,221	JBSN





TERAS STRATEGIK SUKAN

Teras Strategik Sukan memfokuskan pembangunan dan pembudayaan sukan secara menyeluruh. Ia merangkumi usaha memupuk gaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat serta pembangunan atlet berprestasi tinggi bagi menghasilkan individu yang kompetitif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Teras ini juga menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi Negara Sukan yang progresif dan berdaya saing di arena global.



TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 2: ZERO HUNGER* *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 10: REDUCED INEQUALITIES*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 1: PEMBUDAYAAN SUKAN SEBAGAI GAYA HIDUP AKTIF									
1.	Program Penggalakan Sukan untuk Semua	Bilangan peserta	37 juta peserta	7 juta	7.2 juta	7.4 juta	7.6 juta	7.8 juta	JBSN
2.	Program Pembangunan Sukan OKU dan Kumpulan Khusus	Bilangan peserta	500,000 peserta	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	JBSN
3.	Garis Panduan Aktiviti Fizikal Malaysia untuk pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)	Bilangan garis panduan	1 garis panduan	1	-	-	-	-	ISN
4.	*Eat Like Champion* - Program Pendidikan *Outreach*	Bilangan program	10 program	2	2	2	2	2	ISN
5.	Pensijilan Makanan Sihat	Bilangan produk	10 produk	2	2	2	2	2	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 17: PARTNERSHIP FOR THE GOALS*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 2: PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN SECARA MENYELURUH									
1.	Program Penyerlahan Bakat Sukan untuk Semua	Bilangan penyertaan	267,500 peserta	51,500	52,500	53,500	54,500	55,500	JBSN
2.	Program Pembangunan Bakat (*Able*)	Bilangan atlet dalam program	4,700 atlet	4,600	4,625	4,650	4,675	4,700	MSN
3.	Program Pembangunan Sukan Olimpik	Bilangan atlet dalam program	5,700 atlet	5,300	5,400	5,500	5,600	5,700	MSN
4.	Pusat Kecemerlangan Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat (CoE TID)	Bilangan Pusat Kecemerlangan	1 pusat	1	-	-	-	-	ISN
5.	Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat (TID)	Bilangan peserta	1,200 peserta	240	240	240	240	240	ISN
6.	Jaringan kerjasama penyelidikan TID	Bilangan penyelidikan	2 penyelidikan	-	1	-	1	-	ISN
7.	Sesi Libat Urus *Malaysia Talent Plan* (MyTP) - SLU	Bilangan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK)	20 PSK	4	4	4	4	4	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 5: GENDER EQUALITIES*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 2: PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN SECARA MENYELURUH									
8.	Malaysia Esports League (MEL)	Bilangan peserta	60,000 peserta	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	IMPACT
9.	Program Pembangunan Bakat Para	Bilangan atlet dalam program	1,500 atlet	1,000	1,200	1,300	1,400	1,500	MSN
10.	Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030	Bilangan terbitan	1 terbitan Pelan/ Kajian Separuh Penggal	1 Pelan	-	1 Kajian Separuh Penggal	-	-	BDS

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	Program	Indikator Sasaran	Sasaran	Tahun					Agensi Peneraju
				2026	2027	2028	2029	2030	
STRATEGI 3: PEMANTAPAN PENYELIDIKAN SUKAN									
1.	Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia	Bilangan kajian	3 kajian	1	-	1	-	1	IYRES
2.	Kajian Keberkesanan/ Impak Pelaksanaan Program Sukan	Bilangan kajian	5 kajian	1	1	1	1	1	IYRES
3.	Hasil kajian berkaitan sains, perubatan dan teknologi sukan yang dapat meningkatkan prestasi atlet dalam sukan	Bilangan projek, kajian, penerbitan serta penulisan berkaitan sukan	80 projek, kajian, penerbitan serta penulisan berkaitan sukan	16	16	16	16	16	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 4: PEMERKASAAN SUKAN PRESTASI TINGGI									
1.	Pencapaian kontinjen di Temasya Sukan Olimpik/ Paralimpik	Bilangan pingat	6 pingat	-	-	6	-	-	MSN
2.	Pencapaian kontinjen di Temasya Sukan SEA/ Para ASEAN	Kedudukan kontinjen dalam pungutan pingat	Kedudukan kontinjen mengikut temasya	-	Juara Keseluruhan Temasya Sukan SEA Ke-34 & Naib Juara Sukan Para ASEAN Ke-14, 2027	-	*Top 4* Temasya Sukan SEA-35 & *Top 3* Sukan Para ASEAN ke -15, 2029	-	MSN
3.	Sukan yang menyumbang kepada kedudukan 8 terbaik dunia	Bilangan sukan	24 sukan	16	19	21	23	24	MSN
4.	Atlet yang berada di kedudukan 8 terbaik dunia	Bilangan atlet	140 atlet	90	105	118	125	140	MSN
5.	Projek Penyelidikan dan Pembangunan Sukan termasuk Peralatan Sukan Prestasi Tinggi	Bilangan projek (R&D)	10 projek	2	2	2	2	2	ISN
6.	Pembangunan Kejurulatihan Kebangsaan	Peratusan dan bilangan peserta yang lulus kursus anjuran AKK	90%/ 1,500 peserta lulus	90%/ 1,500	90%/ 1,500	90%/ 1,500	90%/ 1,500	90%/ 1,500	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 5: GENDER EQUALITY*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 4: PEMERKASAAN SUKAN PRESTASI TINGGI									
7.	Penyertaan Jurulatih ke *High Performance In Coaching*	Bilangan jurulatih	225 orang jurulatih	45	45	45	45	45	ISN
8.	Pelaksanaan Kursus Sains Sukan kepada atlet/ jurulatih di bawah program Sekretariat Kerjaya dan Pendidikan Atlet (MACE)	Bilangan kursus	5 kursus	1	1	1	1	1	ISN
9.	Penganjuran *Sports Coaching Symposium*	Bilangan simposium	3 simposium (2 tahun sekali)	1	-	1	-	1	ISN
10.	Program Prestasi Sukan Permotoran	Bilangan podium peringkat antarabangsa	10 Podium	2	2	2	2	2	SIC
11.	Penyertaan atlet Wanita (*able*) bagi Temasya Sukan SEA/ Komanwel/ Asia dan Olimpik	Peratus penyertaan atlet wanita	30% atlet wanita *able*	Komanwel - 30% Asia - 30%	SEA - 30%	Olimpik - 30%	SEA - 30%	Komanwel - 30% Asia - 30%	MSN
12.	Perkhidmatan Sains dan Perubatan Sukan	Bilangan liputan perkhidmatan Sains dan Perubatan Sukan	1,250 liputan	240	260	250	260	240	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 5: GENDER EQUALITY*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 4: PEMERKASAAN SUKAN PRESTASI TINGGI									
13.	Penyertaan atlet wanita dalam sukan prestasi tinggi (Program Podium *Able*)	Peratus penyertaan atlet wanita	30% atlet wanita	30%	30%	30%	30%	30%	MSN
14.	Penyertaan atlet wanita dalam sukan prestasi tinggi (Program Pelapis *Able*)	Peratus penyertaan atlet wanita	30% atlet wanita	30%	30%	30%	30%	30%	MSN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (Sasaran 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING* *SDG 11: SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 5: PENGUKUHAN AKSESIBILITI DAN TADBIR URUS FASILITI SUKAN									
1.	*National Athlete Support*	Bilangan pengguna fasiliti KGNS	200 atlet	40	40	40	40	40	PPGS
2.	Menyediakan kemudahan *ramp* bagi OKU di kompleks seliaan JBSN	Bilangan kompleks	47 kompleks	5	9	11	11	11	JBSN
3.	Pengiktirafan pusat latihan kebangsaan di IPT melalui kerjasama strategik	Bilangan pusat latihan kebangsaan yang diperluaskan	10 IPT	2	2	2	2	2	MSN
4.	Pengiktirafan kemudahan sukan oleh Badan Sukan Antarabangsa	Sijil Pengiktirafan	3 sijil	2	-	1	-	-	PSM

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
PEMETAAN KEPADA DASAR NASIONAL/ KEMENTERIAN	RMK13, STRATEGI D1.4: MEMPERTINGKATKAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM AKTIVITI SUKAN STRATEGI D1.5: KECEMERLANGAN SUKAN PADA PERINGKAT DUNIA SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA (SASARAN 2030: 59) *SDG 3: GOOD HEALTH AND WELLBEING*

Bil.	**Program**	**Indikator Sasaran**	**Sasaran**	**Tahun**					**Agensi Peneraju**
				2026	**2027**	**2028**	**2029**	**2030**	
STRATEGI 6: PENINGKATAN INTEGRITI DAN PROFESIONALISME DALAM SUKAN									
1.	Libat Urus Pemahaman Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan	Bilangan penyertaan (Tahun 2025: 2,706 orang)	10% peningkatan setiap tahun	2,977	3,275	3,603	3,963	4,360	PJS
2.	Libat Urus Bersama Pemegang Taruh (Kementerian/ NGOs/ Syarikat)	Bilangan libat urus	20 libat urus	4	4	4	4	4	PJS
3.	Program Pembangunan Pelan Strategik Badan Sukan Kebangsaan - SLU	Bilangan penyertaan PSK	200 PSK	90	120	150	180	200	PJS
4.	Pemantapan Pengurusan Organisasi Badan Sukan	Bilangan penyertaan (Tahun 2025: 2,290 orang)	5% peningkatan setiap tahun	2,405	2,525	2,651	2,784	2,923	PJS
5.	Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Sains dan Perubatan Sukan	Bilangan sesi	500 sesi	100	100	100	100	100	ISN

TERAS STRATEGIK	**SUKAN**
	PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN SUKAN YANG HOLISTIK
OBJEKTIF TERAS	MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI SUKAN
